

03/10/2003

Langkawi pusat daftar kapal layar antarabangsa

Wan Jailani Razak

LANGKAWI: Langkawi melakar sejarah baru semalam apabila pulau itu dijadikan Pusat Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa selepas pelancaran oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Awana Porto Malai.

Berucap pada majlis itu, Perdana Menteri berkata, imej baru itu bukan saja dapat mengharumkan nama pulau pelancongan itu, malah membantu Malaysia menarik lebih ramai pelancong.

"Dengan adanya pusat ini, Langkawi akan lebih dikenali dan kita harap ramai pelayar dari negara barat melabuhkan kapal layar mereka di sini.

"Kemudahan ini perlu kerana banyak kapal layar di rantau ini, termasuk yang dimiliki rakyat negara ini, didaftarkan di negara Karibbean dan United Kingdom," katanya.

Dr Mahathir berkata, pemilik kapal layar tidak perlu membawa kapal layar ke Langkawi untuk pendaftaran kerana ia boleh didaftarkan tanpa kehadiran bot.

Katanya, dalam usaha menjana industri maritim, kerajaan sudah memasang 12 radar di sepanjang perairan pantai barat semenanjung bagi memastikan keselamatan kapal dan kapal layar yang melalui Selat Melaka.

Pada masa sama, kerajaan menambah bilangan bot peronda bagi memastikan keselamatan kapal layar yang berdaftar dan berlabuh di Langkawi.

"Selain keselamatan, kita membina pusat menyenggara kapal layar bagi memudahkan mereka mendapatkan perkhidmatan yang diperlukan," katanya sambil berharap pemilik kapal layar yang berdaftar di Langkawi dapat memasang Jalur Gemilang ketika belayar di perairan negara ini.

Beliau berkata, pada satu ketika, tidak ramai mengetahui mengenai Malaysia berbanding jirannya seperti Thailand, Singapura, Filipina dan Indonesia.

Bagaimanapun, nama Malaysia kini mula menjadi sebutan ramai dan dikenali di seluruh dunia hasil usaha kerajaan dan rakyatnya.

"Saya yakin dengan menjadikan Langkawi pusat pendaftaran kapal layar, akan merancakkan lagi sektor pelancongan negara.

"Malah, keindahan dan keamanan yang dimiliki pasti akan membuatkan setiap pelayar atau pelancong berasa selamat untuk mengunjungi Malaysia. Tahun lalu, negara mencatat kemasukan kira-kira 13 juta pelancong tetapi matlamat kita ialah 25 juta pelancong. Kita mahu seorang pelancong bagi seorang rakyat Malaysia... sekarang jumlah penduduk negara 25 juta," katanya.

Terdahulu, beliau menyampaikan sijil pendaftaran pertama kepada Tan Sri Samsudin Abdul Kadir, pemilik kapal layar A Khaliq.

Sementara itu, Menteri Pengangkutan, Datuk Chan Kong Choy pada sidang akhbar selepas itu, meminta pemilik kapal layar mendaftar kapal layar di sini dengan memanfaatkan pusat pendaftaran yang baru dilancarkan itu.

Katanya, mereka boleh mendapatkan sijil pendaftaran seminggu selepas mendaftar menerusi talian terus.